

**PELANCONGAN PENDIDIKAN: MOTIF  
PENGAJIAN DAN RUANG PERGERAKAN  
PELAJAR PASCASISWAZAH ANTARABANGSA  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**RUZANNA SYAMIMI BINTI RAMLI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2013**

**PELANCONGAN PENDIDIKAN: MOTIF  
PENGAJIAN DAN RUANG PERGERAKAN  
PELAJAR PASCASISWAZAH ANTARABANGSA  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**oleh**

**RUZANNA SYAMIMI BINTI RAMLI**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Sastera**

**Julai 2013**

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu dengan rasa rendah dirinya, saya ingin melafazkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, tesis sarjana ini dapat disiapkan dengan jayanya. Sesungguhnya kajian dan tesis ini tidak dapat disiapkan tanpa bantuan dan kerjasama pelbagai pihak. Sukacita, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan istimewa kepada Dr. Jabil Mapjabil selaku penyelia utama saya yang tidak jemu memberikan segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan sepanjang menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih tidak terhingga turut saya sampaikan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM dan barisan pensyarah Geografi PPIK. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sejuta penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga kepada semua rakan taulan New Gaik Ling, Mohamad Pirdaus, Suriani Che Ismail dan Hazliyana Hanafi yang banyak membantu dan memberikan perangsang serta dorongan.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada ibu bapa tersayang iaitu Ramli Mohamed dan Rahani Talib dan suami tercinta Jafri Mohamed serta ahli keluarga yang amat saya kasihi di atas sokongan dan dorongan yang tulus dan padu. Sesungguhnya kalian adalah sumber inspirasi dan motivasi bagi meneruskan perjuangan ini sehingga ke akhirnya.

## SENARAI ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi

### **BAB 1 – PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	7
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Skop Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Organisasi Kajian	14
1.9	Rumusan	16

## **BAB 2 - TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	18
2.2	Pelancongan Antarabangsa: Latar Belakang dan Perkembangan	
2.2.1	Latar Belakang Pelancongan Antarabangsa	19
2.2.2	Perkembangan Pelancongan Antarabangsa	21
2.3	Konsep Pelancongan	25
2.3.1	Pelancong, Pelawat dan Pengembara	27
2.4	Pendidikan dan Pembelajaran: Definisi, Konsep dan Teori	28
2.5	Pelancongan Pendidikan: Konsep, Model dan Latar Belakang	
2.5.1	Konsep Pelancongan Pendidikan	32
2.5.2	Model dalam Pelancongan Pendidikan	34
2.5.3	Latar Belakang Pelancongan Pendidikan	43
2.6	Pembangunan Pelancongan Pendidikan di Malaysia	45
2.7	Motivasi Pelancongan dan Motif Pendidikan	50
2.8	Faktor Pemilihan Institusi Pengajian	54
2.9	Pergerakan dan Tingkah Laku Pelancong	57
2.9.1	Hubungan Pelancongan Pendidikan dengan Alam Sekitar	62
2.10	Pelajar Antarabangsa	64
2.11	Kerangka Teoritikal Kajian	66
2.12	Rumusan Sorotan Literatur	70
2.13	Rumusan	72

## **BAB 3 – KAWASAN KAJIAN DAN KAEDAH PENYELIDIKAN**

3.1	Pengenalan	74
3.2	Kawasan Kajian	75
3.2.1	Justifikasi Pemilihan Kawasan Kajian	78
3.2.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	78
3.3	Enrolmen Staf Akademik dan Pelajar Pascasiswazah di USM	79
3.3.1	Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa berdasarkan Negara Asal	88
3.4	Proses Penyelidikan	92
3.4.1	Pembentukan Objektif Kajian	95
3.4.2	Pengumpulan Data Kajian	96
3.4.3	Jenis Data Kajian	96
3.4.4	Sampel Kajian	97
3.4.4.1	Jumlah Sampel	98
3.4.4.2	Kaedah Persampelan	101
3.4.4.3	Persampelan Berlapis (Berstrata)	101
3.4.5	Teknik Pengumpulan Data	103
3.4.5.1	Temu Bual Bersemuka	103
3.4.5.2	Kajian Rintis	104
3.4.5.3	Borang Soal Selidik	105
3.4.5.3.1	Pembentukan Soal Selidik	106

3.4.5.3.2	Bentuk Soalan Soal Selidik	106
3.4.6	Analisis Data	109
3.4.7	Penulisan Laporan Kajian	110
3.5	Etika Penyelidikan	111
3.6	Rumusan	112

## **BAB 4 – DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	113
4.2	Profil Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa	114
4.2.1	Pelajar Mengikut Kelompok Negara Serantau	114
4.2.2	Umur dan Gender	117
4.2.3	Status Pengajian di USM	119
	4.2.3.1 Tahun Akademik	121
	4.2.3.2 Peringkat Pengajian	122
	4.2.3.3 Bidang Pengajian	123
	4.2.3.4 Pusat Pengajian	125
4.3	Motif Pemilihan Malaysia sebagai Destinasi Pengajian	127
4.3.1	Motivasi dan Galakan	128
4.3.2	Promosi dan Tawaran	129
4.3.3	Reputasi Universiti	130
4.3.4	Imej dan Budaya Negara	132

4.4	Analisis Perbandingan Min terhadap Motif Pemilihan dengan Kelompok Negara Serantau	135
4.4.1	Analisis Perbandingan Min: Motif Motivasi dan Galakan dengan Kelompok Negara Serantau	135
4.4.2	Analisis Perbandingan Min: Motif Promosi dan Tawaran dengan Kelompok Negara Serantau	137
4.4.3	Analisis Perbandingan Min: Motif Reputasi Universiti dengan Kelompok Negara Serantau	139
4.4.4	Analisis Perbandingan Min: Motif Imej dan Budaya Negara dengan Kelompok Negara Serantau	140
4.5	Sumber dan Faktor Utama Pemilihan USM sebagai Lokasi Pengajian	142
4.5.1	Sumber Utama	143
	4.5.1.1 Sumber Utama dengan Kelompok Negara	145
	4.5.1.2 Sumber Utama dengan Gender	146
4.5.2	Faktor Utama Pemilihan USM	149
4.6	Faktor dan Lokasi Ruang Pergerakan Pelancongan	154
4.6.1	Faktor Pergerakan	
	4.6.1.1 Kekerapan Pulang ke Negara Asal berdasarkan Kelompok Negara Serantau	154
	4.6.1.2 Kekerapan Pulang ke Negara Asal berdasarkan Tahun Akademik	157



4.6.2	Aktiviti Sepanjang Pengajian di USM	160
4.6.2.1	Analisis Korelasi antara Pemboleh Ubah Gender dan Peringkat Umur dengan Aktiviti Pergerakan	165
4.6.2.2	Manfaat yang Diperolehi dalam Aktiviti yang Disertai oleh Pelancong Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa USM	169
4.6.3	Lokasi Pelancongan dalam Ruang Pergerakan	
4.6.3.1	Dalam Pulau Pinang	171
4.6.3.2	Luar Pulau Pinang	177
4.6.3.3	Luar Negara Malaysia	184
4.7	Manfaat Penyertaan Responden dalam Aktiviti Pelancongan Pendidikan dan Cadangan Meningkatkankannya	187
4.7.1	Manfaat Penyertaan Responden dalam Aktiviti Pelancongan Pendidikan	187
4.7.2	Cadangan Meningkatkan Pelancongan Pendidikan	194
4.8	Rumusan	196

## **BAB 5 – RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

5.1	Pengenalan	198
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	198

5.2.1	Motif Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa Memilih Malaysia sebagai Destinasi Pengajian	199
5.2.2	Sumber dan Faktor Utama Pelajar Memilih USM sebagai Lokasi Pengajian Tinggi	202
5.2.3	Faktor, Ruang dan Arah Pergerakan Pelajar Pascasiswazah sebagai Pelancong Pendidikan sepanjang Tempoh Pengajian di USM	204
5.2.4	Manfaat Penyertaan dalam Aktiviti Pelancongan Pendidikan dan Cadangan Meningkatkan	207
5.3	Implikasi Dasar	209
5.4	Sumbangan Kajian	212
5.4.1	Sumbangan dalam Bidang Akademik	212
5.4.2	Sumbangan kepada Pihak Penggubal Dasar	213
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	214
5.6	Penutup	216

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Jumlah pelajar antarabangsa di IPTA dan IPTS pada tahun 2003-2010	5
Jadual 2.1	Ketibaan pelancong antarabangsa berdasarkan wilayah pada tahun 2000 hingga 2011 (juta)	23
Jadual 2.2	Bilangan pelajar antarabangsa yang mendaftar pendidikan tinggi di luar negara asal mereka pada tahun 2006 hingga 2009	65
Jadual 3.1	Pusat pengajian di Universiti Sains Malaysia	77
Jadual 3.2	Jumlah staf akademik USM pada tahun 2007-2010	80
Jadual 3.3	Enrolmen pascasiswazah USM dari tahun 2008-2011 (pusat pengajian dan pusat kecemerlangan di kampus induk, kampus kejuruteraan dan kampus kesihatan)	81
Jadual 3.4	Enrolmen pelajar pascasiswazah pada tahun 2009 dan 2010	84
Jadual 3.5	Enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa berdasarkan negara asal pada tahun 2010	91
Jadual 3.6	Bilangan pelajar pascasiswazah antarabangsa mengikut kelompok negara serantau	100
Jadual 4.1	Profil responden berdasarkan kelompok negara serantau	115
Jadual 4.2	Peringkat umur dan gender responden	118
Jadual 4.3	Status pengajian responden	120
Jadual 4.4	Motif responden dalam pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian	134
Jadual 4.5	Analisis perbandingan min antara motif motivasi dan galakan dengan kelompok negara serantau responden	137
Jadual 4.6	Analisis perbandingan min antara motif promosi dan tawaran dengan kelompok negara serantau responden	138
Jadual 4.7	Analisis perbandingan min antara motif reputasi universiti dengan kelompok negara responden	140

Jadual 4.8	Analisis perbandingan min antara motif imej dan budaya dengan kelompok negara serantau responden	141
Jadual 4.9	Sumber utama pemilihan USM	143
Jadual 4.10	Sumber utama dengan kelompok negara serantau responden	146
Jadual 4.11	Sumber utama dengan gender responden	147
Jadual 4.12	Ujian khi kuasa dua antara sumber utama dengan gender responden	148
Jadual 4.13	Faktor keutamaan responden terhadap pemilihan USM	151
Jadual 4.14	Analisis perbandingan min terhadap faktor utama dengan kelompok negara serantau responden	153
Jadual 4.15	Kekerapan responden pulang ke negara asal berdasarkan kelompok negara serantau	155
Jadual 4.16	Kekerapan responden pulang ke negara asal berdasarkan tahun akademik	158
Jadual 4.17	Penglibatan responden dalam program dengan pelbagai pihak	161
Jadual 4.18	Aktiviti pergerakan responden	162
Jadual 4.19	Matrik korelasi antara pemboleh ubah gender dan peringkat umur responden dengan aktiviti pergerakan	167
Jadual 4.20	Pergerakan responden dalam Pulau Pinang berdasarkan kelompok negara serantau	173
Jadual 4.21	Bilangan responden berdasarkan kelompok negara serantau responden ke luar negeri Pulau Pinang	180
Jadual 4.22	Persepsi responden dalam penyertaan aktiviti pelancongan pendidikan	191
Jadual 4.23	Analisis min terhadap persepsi responden dalam aktiviti pelancongan pendidikan	193
Jadual 4.24	Cadangan meningkatkan penyertaan responden dalam aktiviti pelancongan pendidikan	195

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Penerimaan pelancongan antarabangsa pada tahun 2011	25
Rajah 2.2	Konsep pendidikan	30
Rajah 2.3	Model pelancongan pendidikan	35
Rajah 2.4	Model kategori pelancongan pendidikan	36
Rajah 2.5	Sistem pasaran pelancongan pendidikan	38
Rajah 2.6	Parameter pelancongan pendidikan	40
Rajah 2.7	Jarak kontinum pembelajaran dan pengembaraan	42
Rajah 2.8	Motivasi pelancong dan motif pendidikan	52
Rajah 2.9	Faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih institusi pengajian	55
Rajah 2.10	Program dan aktiviti pelancongan pendidikan di Kandis Resource Centre (KRC)	62
Rajah 2.11	Pelancongan pendidikan berasaskan hutan	63
Rajah 2.12	Pelancongan pendidikan berasaskan institut pengajian tinggi	67
Rajah 2.13	Kerangka teoritikal kajian	69
Rajah 3.1	Pelan kawasan kajian	76
Rajah 3.2	10 negara tertinggi pelajar antarabangsa pada tahun 2008	89
Rajah 3.3	10 negara asal tertinggi pelajar antarabangsa pada tahun 2009	90
Rajah 3.4	Proses penyelidikan	94
Rajah 4.1	Peratusan gender responden	118
Rajah 4.2	Bilangan responden mengikut peringkat pengajian	123
Rajah 4.3	Bilangan responden berdasarkan bidang pengajian	124

Rajah 4.4	Bilangan responden berdasarkan pusat pengajian	126
Rajah 4.5	Sumber utama pemilihan USM sebagai lokasi pengajian responden	144
Rajah 4.6	10 destinasi menarik dalam Pulau Pinang	172
Rajah 4.7	Lokasi menarik di Pulau Pinang menjadi tumpuan responden	176
Rajah 4.8	Bilangan responden ke luar negeri Pulau Pinang	177
Rajah 4.9	Arah dan ruang pergerakan responden ke luar negeri Pulau Pinang	183
Rajah 4.10	Arah dan ruang pergerakan responden dari USM ke luar negara	186

**PELANCONGAN PENDIDIKAN: MOTIF PENGAJIAN DAN RUANG  
PERGERAKAN PELAJAR PASCASISWAZAH ANTARABANGSA  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Malaysia merupakan salah satu destinasi pelancongan pendidikan yang popular di Asia Tenggara. Kepesatan pelancongan pendidikan adalah didorong oleh peningkatan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian ke negara ini. Terdapat tiga asas utama yang membawa kepada permasalahan kajian ini iaitu kurangnya kajian tentang pelancongan pendidikan di Malaysia, pengaplikasian model dan idea pelancongan pendidikan serta situasi perkembangan semasa pendidikan tinggi negara. Objektif pertama kajian ini ialah untuk meneliti motif yang mendorong pelajar pascasiswazah antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian sebelum pelaksanaan penyelarasan kalendar akademik negara dengan sesi pengajian peringkat antarabangsa. Objektif kedua, menentukan sumber dan faktor utama yang mendorong pelajar pascasiswazah antarabangsa memilih USM sebagai institusi pengajian tinggi di Malaysia. Objektif ketiga, mengenal pasti faktor, ruang dan arah pergerakan pelajar pascasiswazah antarabangsa sepanjang tempoh pengajian mereka di USM. Objektif keempat untuk meneliti manfaat penyertaan dalam aktiviti pelancongan pendidikan dan cadangan untuk meningkatkan penglibatan pelajar pascasiswazah antarabangsa dalam pelancongan pendidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menganalisis data dan kaedah deskriptif untuk mentafsir atau menjelaskan data yang diperolehi. Manakala kaedah kajian yang digunakan adalah temu bual bersemuka dengan menggunakan borang

soal selidik. Dapatan kajian terhadap 201 orang responden mendapati keutamaan pelajar pascasiswazah antarabangsa memilih Malaysia adalah imej dan budaya dengan purata min 3.64 diikuti reputasi universiti dengan purata min 3.61. Laman web adalah sumber utama yang dirujuk oleh responden untuk memilih USM sebagai lokasi pengajian iaitu sebanyak 60.7 peratus. Majoriti responden memilih sangat penting terhadap faktor reputasi yang bagus iaitu seramai 114 orang (57.0 peratus) dalam memilih USM. Seterusnya, aktiviti pelancongan persendirian (22.6 peratus) adalah faktor utama yang mendorong kepada pergerakan responden sama ada dalam Pulau Pinang, seluruh Malaysia mahupun luar negara. Aktiviti pelancongan pendidikan memberikan banyak manfaat kepada responden. Laman sosial perlu digunakan secara efektif untuk menyampaikan informasi pelancongan pendidikan dengan lebih cepat, efisien dan meluas. Sebagai implikasi dasar, perlunya usaha penambahbaikan kualiti program pengajian di IPT, yuran pengajian yang berpatutan dan pemberian diskaun kepada pelajar yang melancong untuk tujuan pendidikan. Tuntasnya, dapatan kajian ini menyumbang kepada bidang akademik dan pembuat dasar khususnya Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.



**EDUCATIONAL TOURISM: THE MOTIVE FOR STUDY AND SPATIAL  
MOVEMENT OF INTERNATIONAL POSTGRADUATE STUDENTS IN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**ABSTRACT**

Malaysia is one of the popular educational tourism destinations in South East Asia. The rapid growth of educational tourism is driven by the increase of the international students who further their studies in Malaysia. There are three fundamentals, contributing to the issue of this research, first is the lack of educational tourism research in Malaysia, second is the application of model and idea of educational tourism, and third is the current situation of higher education in Malaysia. The primary objective of this research is to examine the motives that prompted international postgraduate students to choose Malaysia as a destination for study before the implementation of the academic calendar which coordinates with international session. The second objective is to determine the factors that encouraged international postgraduate students to choose USM as their institution to further their studies in Malaysia. The third objective is to recognize the factors, spaces and movements of the international postgraduate students during their studies at USM. The fourth objective is to examine the benefits in participating in educational tourism, and the suggestions to boost the number of the international postgraduate students' participation in this industry. This research applies quantitative approach to analyse data, and descriptive method to interpret or explain the data obtained. Besides that, this research also uses other research methods such as face to face interview with questionnaire. The research finding on 201 respondents

shows that the international postgraduate students choose Malaysia as their destination in pursuing their studies due to the prestigious and culture in Malaysia (average min is 3.64), and following by the reputation of the university (average min is 3.61). Official website is the main medium referred by respondents in choosing USM as their destination of studies (60.7%). Majority or 114 respondents stated that the good reputation of USM encouraged them to choose this institution to further their studies (57.0%). Furthermore, the private tourism activities (22.6%) are the main factor that led to the movement of the respondents either in Penang, or the whole Malaysia and overseas. Educational tourism provides a lot of benefits to the respondents. Social website must be used effectively to disseminate quickly, efficiently and widely the information of educational tourism. As a policy implication, there is a need for the efforts in improving the quality of academic programs at higher education institution, offering reasonable and affordable tuition fees, and giving discounts to the students who travel for the purpose of studies. As a conclusion, the research findings are very useful to the academic fields and the policy makers, particularly the Ministry of tourism and Ministry of education in Malaysia.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Pelancongan merupakan sektor ekonomi yang penting di kebanyakan negara di dunia. Di Malaysia, pelancongan menjadi salah satu daripada 12 sektor dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas*, NKEA) selain sektor minyak, gas dan tenaga, pertanian, elektrik dan elektronik serta pendidikan (Unit Perancang Ekonomi, 2012). Bidang pelancongan menjadi penyumbang utama kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK), kadar tukaran wang asing dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk. Pada tahun 2011, sektor ini menjadi penyumbang terbesar dengan nilai PNK sebanyak USD12.3 bilion. Ia antara yang memberikan kadar tukaran wang asing yang tinggi selepas sektor perkilangan dan minyak kelapa sawit. Pada tahun 2010, industri pelancongan menyediakan sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan kepada penduduk di Malaysia (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2012: [www.motour.gov.my/bm/media/siaran-media](http://www.motour.gov.my/bm/media/siaran-media)).

Kerajaan Malaysia merangka pelbagai rancangan pembangunan untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi tumpuan pelancong antarabangsa. Melalui penjenamaan 'Malaysia Truly Asia' oleh Kementerian Pelancongan, Malaysia telah dikenali di seluruh dunia. Menurut *United Nations World Tourism Organisation* (UNWTO,

2012) Malaysia berada pada kedudukan kesembilan sebagai destinasi paling ramai dikunjungi di seluruh dunia. Pada tahun 2010, jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia adalah seramai 24.6 juta orang dan meningkat kepada 24.7 juta orang pada tahun 2011. Pada tahun 2012, Malaysia mencatatkan rekod peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 1.2 peratus iaitu berjumlah 9.4 juta orang pelancong dari bulan Januari hingga Mei tahun berkenaan. Secara keseluruhannya, negara-negara ASEAN menjadi penyumbang tertinggi kepada kedatangan pelancong ke Malaysia iaitu 73.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kedatangan pelancong ke negara ini. Negara tersebut ialah Indonesia, Filipina, Vietnam, Myanmar dan Laos. Selain itu, negara lain termasuklah Arab Saudi, China, Jepun, Rusia, Denmark dan India (Mohd Anuar Md. Amin et al., 2012; Kementerian Pelancongan Malaysia, 2012: [www.motour.gov.my/bm/media/siaran-media](http://www.motour.gov.my/bm/media/siaran-media)).

Sehubungan itu, melalui bidang pendidikan dalam NKEA, penekanan diberikan terhadap program pengantarabangsaan pelajar iaitu menarik pelajar asing untuk mengikuti pengajian tinggi di Malaysia. Galakan ini membuka peluang baharu terhadap sektor pelancongan melalui pasaran pelancongan pendidikan di Malaysia. Pada tahun 2009, sektor pendidikan telah menyumbang sebanyak RM27.1 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (Program Transformasi Ekonomi, 2011). Dari sudut pilihan lokasi pengajian tinggi, Malaysia berada pada kedudukan ke-11 di dunia seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Manakala, agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan pelancongan pendidikan adalah Kementerian

Pengajian Tinggi sementara Kementerian Pelancongan membantu daripada aspek promosi.

Dalam tempoh yang terdekat ini, Malaysia sedang berusaha untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia Pasifik. Justeru, pelbagai kemudahan dan infrastruktur pendidikan telah disediakan. Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta program usahasama dengan institut pengajian tinggi di luar negara semakin giat melaksanakan pelbagai program untuk menarik lebih ramai pelajar asing menyambung pengajian di Malaysia (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2012).

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Perkembangan pendidikan dan pelancongan sebagai suatu industri telah memberi impak positif kepada aspek ekonomi dan sosial pada dekad ini (Ritchie, 2006). Menurut Roppolo (1996), sesetengah negara bergantung antara satu sama lain dengan kejayaan, pertumbuhan dan kepesatan ekonomi melalui kemampuan industri pendidikan dan pelancongan dalam menyokong program pertukaran pelajar antarabangsa mereka. Pembangunan dalam industri pelancongan yang seiring dengan perubahan dalam pendidikan telah mendorong kepada peningkatan tahap kemudahan pendidikan dan pembelajaran yang menjadi sebahagian aspek penting dalam sektor pelancongan pendidikan.

Menurut Afandi Fikri (2007), pelancongan pendidikan dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu penawaran tempat pembelajaran yang formal seperti institusi pengajian tinggi dan perjalanan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan termasuk pendedahan secara tidak langsung kepada perkara yang berkaitan dalam aktiviti pelancongan. Sehubungan itu, konsep pelancongan pendidikan yang dikaji ialah berkaitan dengan aspek penawaran pengajian di institut pengajian tinggi khususnya isu pelajar antarabangsa yang menyambung pengajian mereka ke institut pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini. Peningkatan pelajar antarabangsa ke Malaysia dapat meningkatkan pendapatan negara melalui tukaran wang asing. Selain itu, pelancongan pendidikan berpotensi sebagai satu segmen pasaran baharu yang mampu mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada tahun 2003 hingga tahun 2010. Jumlah pelajar antarabangsa pada tahun 2003 seramai 30,397 orang telah meningkat sebanyak 65 peratus pada tahun 2010 dengan jumlah pelajar seramai 86,919 orang di semua IPTA dan IPTS di Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010). Peningkatan jumlah pelajar seramai 86,919 orang pada tahun 2010 itu telah melebihi sasaran sebenar iaitu 75,000 orang pelajar yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pada tahun 2011 jumlah itu dijangka mencecah hingga 90,000 orang pelajar. Berdasarkan peningkatan ini, tidak mustahil menjelang 2015, jumlah pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian dalam pelbagai jurusan di negara ini mampu melonjak hingga 150,000 orang dan pada tahun 2020 kepada 200,000 orang pelajar (Berita Harian, Januari 2011).

Jadual 1.1: Jumlah pelajar antarabangsa di IPTA dan IPTS pada tahun 2003 - 2010

<b>Tahun</b>	<b>IPTA</b>	<b>IPTS</b>	<b>Jumlah</b>
2003	5,239	25,158	30,397
2004	5,735	25,939	31,674
2005	6,622	33,903	46,006
2006	7,941	36,449	44,390
2007	14,324	33,604	47,928
2008	19,744	50,679	70,428
2009	22,456	58,294	80,750
2010	24,214	62,705	86,919

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010)

Pada masa ini, kerajaan menggalakkan setiap IPTA memperuntukkan tempat hingga lima peratus pelajar asing bagi mewujudkan suasana persekitaran antarabangsa di samping meningkatkan kemampuan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tempatan. Sebagai contoh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) setakat ini mengatasi universiti awam lain dengan mempunyai paling ramai pelajar asing iaitu 4,800 orang dari pelbagai negara. Selain itu, di IPTA juga lebih banyak menawarkan kursus pengajian pascasiswazah berbanding IPTS yang memberi tumpuan kepada program ijazah pertama (Berita Harian, Januari 2011).

Manakala di IPTS turut mengalami peningkatan drastik dari tahun 2003 hingga tahun 2010 dengan jumlah yang lebih besar berbanding di IPTA. Pada tahun 2003, jumlah pelajar di IPTS adalah seramai 25,158 orang dan meningkat menjadi 62,705 orang pada tahun 2010. Ini kerana IPTS memikul tanggungjawab utama dalam menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar asing kerana mereka tidak terikat dengan kuota pengambilan pelajar ini, sedangkan IPTA perlu memberi keutamaan kepada pelajar tempatan (Berita Harian, Januari 2011). Sebagai contoh, jumlah

pelajar pada tahun 2010, kira-kira 65 peratus pelajar antarabangsa memasuki pengajian ijazah pertama kebanyakannya di institut pengajian tinggi swasta (IPTS), manakala 35 peratus lagi mengikuti program pascasiswazah di institut pengajian tinggi awam (IPTA) (Berita Harian, Disember 2010).

Bagi meningkatkan lagi jumlah pelajar antarabangsa ke Malaysia, banyak usaha giat dijalankan, antaranya menjalinkan hubungan akademik dengan universiti terkenal luar negara, menghantar tenaga akademik menyertai seminar dan membentangkan kertas kerja di peringkat antarabangsa, menyertai pertandingan dan ekspo reka cipta antarabangsa, mengadakan program pertukaran pensyarah serta pelajar dan menyertai pameran pendidikan di luar negara dengan bertujuan memperkenalkan Institut Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing kepada pelajar asing. Selain itu, pelajar antarabangsa boleh mendapatkan pelbagai maklumat mengenai IPT dan pengajian yang ditawarkan dengan melayari laman web yang boleh diakses di seluruh dunia (Berita Harian, Januari 2011). Faktor kestabilan politik, situasi dalam negara yang aman, kemajuan teknologi dan penyelidikan serta kadar tukaran asing yang murah di samping keharmonian kaum membuktikan bahawa masyarakat Malaysia bersedia menerima pelajar dari apa juga latar belakang agama dan budaya (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2012). Dengan adanya pelbagai usaha yang dijalankan dan persekitaran Malaysia yang kondusif ini telah menggalakkan lagi pelajar asing untuk menjadikan negara ini sebagai pilihan untuk menyambung pengajian mereka.



Untuk menggalakkan pelancongan pendidikan dalam jangka masa panjang, Pusat Penggalakan Pendidikan Malaysia telah ditubuhkan di Beijing, Dubai, Ho Chi Minh, Jakarta dan Jeddah. Peranan pusat ini untuk mempromosi peluang pendidikan yang terdapat di Malaysia dan berperanan sebagai pusat rujukan dan pusat kaunseling kepada para pelajar antarabangsa dan ibu bapa. Ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu di dunia, di samping meningkatkan daya saing institut pengajian tinggi di Malaysia (Sim, 2007).

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Secara umumnya, terdapat tiga asas utama yang mendorong kepada kajian tentang pelancongan pendidikan dengan fokus kepada pelajar pascasiswazah antarabangsa yang melanjutkan pelajaran ke Malaysia. Pertama, berdasarkan tinjauan literatur terhadap pelancongan pendidikan di peringkat antarabangsa dan dalam negara didapati wujud dua senario yang berbeza. Di peringkat global, kajian tentang pelancongan pendidikan bukanlah sesuatu yang baru (Gibson, 1998; Holdnak & Holland, 1996). Antara kajian lepas di peringkat antarabangsa termasuklah isu tingkah laku pelajar antarabangsa yang keluar daripada negara asal untuk mendapatkan pendidikan dan sekali gus melakukan aktiviti pelancongan (Hsu et al., 1997; Michael et al., 2004; Wang, 2008; Shanka et al., 2005). Selain itu, isu pemilihan lokasi pengajian oleh pelajar antarabangsa (Mazzarol & Soutar, 2002; Pampolani, 2010; Lawley & Perry, 1998; Pimpa, 2004).

Namun berbeza dengan kes di Malaysia, kajian tentang pelancongan pendidikan masih terhad. Malah, tidak terdapat satu kajian yang khusus tentang pelancongan pendidikan yang didasarkan kepada model atau teori pelancongan pendidikan yang digunakan oleh sarjana Barat pada masa ini. Antara kajian lepas di Malaysia termasuklah tentang isu bagaimana sesebuah institusi boleh dijadikan sebagai pemangkin pelancongan pendidikan (Afandi Fikri, 2007), hubungan dan potensi pemuliharaan hutan sebagai pelancongan pendidikan dalam konteks pelajar (Md Anowar et al., 2010), kajian tingkah laku pelancongan pelajar antarabangsa (Jason et al., 2011) serta faktor yang mempengaruhi pilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pendidikan dalam kalangan pelajar Arab (Mazen Younis, 2010). Jika diteliti dalam kajian literatur di Malaysia, ada penyelidik yang mengkaji hanya pelancongan pendidikan secara umum (Afandi Fikri, 2007; Md Anowar et al., 2010) dan ada sarjana lain pula yang mengkaji tentang pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di negara ini (Jason et al., 2011). Hanya kajian Mazen Younis (2010) yang mengaitkan antara pelancongan pendidikan dengan pelajar antarabangsa, namun beliau skopkan kajiannya terhadap kes pelajar Arab sahaja yang melanjutkan pengajian di negara ini. Justeru, kajian pelancongan pendidikan di Malaysia masih terbuka luas dan banyak lagi isu yang boleh dikaji.

Asas kedua kajian ini berkait rapat dengan model dan teori dalam pelancongan pendidikan. Di peringkat antarabangsa, idea pelancongan pendidikan yang dikemukakan oleh Ritchie (2006) agak popular. Beliau melihat pelancongan pendidikan itu dalam skop yang lebih luas dengan pertindihan antara konsep pelancongan dan konsep pendidikan yang mewujudkan dua situasi iaitu sama ada

sesuatu isu itu akan berada dalam kedudukan pendidikan sebagai tujuan utama (*education first*) ataupun pelancongan sebagai tujuan utama (*tourism first*). Di Malaysia, Afandi Fikri (2007) telah mengemukakan idea tentang pelancongan pendidikan dengan mengkategorikan kepada dua iaitu pelancongan pendidikan dalam konteks penawaran tempat pembelajaran yang formal seperti penubuhan institusi pengajian tinggi dan yang kedua memberikan ilmu pengetahuan serta pendedahan secara tidak langsung kepada perkara yang berkaitan dalam aktiviti pelancongan. Memandangkan tidak banyak kajian lepas yang meneliti, mengaplikasi atau menerapkan model dan teori pelancongan pendidikan ini secara khusus telah mendorong pengkaji untuk menggunakannya sebagai asas pengkajian yang dikemukakan secara tidak langsung dalam objektif kajian ini. Sehubungan itu, kajian tentang motif dan ruang pergerakan pelajar pascasiswazah antarabangsa ini adalah mencakupi idea yang dikemukakan oleh Ritchie (2006) dan Afandi Fikri (2007).

Asas ketiga yang membawa kepada permasalahan kajian ini ialah apabila meneliti situasi perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia sejak akhir-akhir ini. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah diwujudkan pada tahun 2004. Sejak itu, pelbagai pelan dan rancangan jangka panjang telah dirangka. Melalui laporan dan kajian KPTM, enrolmen pelajar antarabangsa yang mendaftar di IPTS dan IPTA di Malaysia semakin meningkat saban tahun (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2010). Setelah meneliti dari pelbagai segi, maka pihak KPTM telah memutuskan untuk menstrukturkan semula kalendar pengajian tinggi negara agar selaras dengan tempoh dan tarikh pendaftaran di peringkat antarabangsa yang mula dikuatkuasakan untuk sesi pengambilan pelajar siswazah mulai September 2011.

Langkah ini untuk memastikan sasaran 200, 000 orang pelajar antarabangsa tercapai menjelang tahun 2020. Justeru, kajian ini dilakukan untuk meneliti apakah pilihan motif pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia amnya dan Universiti Sains Malaysia (USM) khususnya sebelum pelaksanaan penyelarasan kalendar akademik di seluruh institut pengajian tinggi mengikut antarabangsa. Ini kerana sudah pasti wujud perbezaan motif mereka melanjutkan pengajian ke Malaysia selepas penyelarasan itu kerana faktor penyelarasan itu sendiri menjadi kriteria utama dalam pilihan motif pengajian mereka ke negara ini.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan permasalahan kajian yang dijelaskan tadi, beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti seperti berikut.

- i. Apakah motif yang mendorong pelajar pascasiswazah antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian mereka sebelum pelaksanaan penyelarasan sidang akademik baru di institut pengajian tinggi di Malaysia dengan sesi pengajian di peringkat antarabangsa?
  
- ii. Apakah sumber dan motif utama pelajar pascasiswazah antarabangsa daripada pelbagai negara memilih USM sebagai lokasi pengajian pendidikan tinggi mereka di Malaysia? Konsep ini menepati salah satu daripada idea model pelancongan pendidikan Ritchie (2006) iaitu pendidikan diutamakan (*education first*).

- iii. Sepanjang tempoh pengajian mereka di USM, apakah bentuk program dan aktiviti yang mereka terlibat sekaligus dapat memetakan ruang dan arah pergerakan mereka sama ada di sekitar Pulau Pinang, di seluruh Malaysia dan di luar negara?

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat empat objektif yang ingin dicapai daripada kajian pelancongan pendidikan berasaskan pengajian tinggi ini, iaitu:

- i. Meneliti motif yang mendorong pelajar pascasiswazah antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian mereka sebelum pelaksanaan penyelarasan kalendar akademik di negara ini dengan sesi pengajian peringkat antarabangsa.
- ii. Menentukan sumber dan faktor utama yang mendorong pelajar pascasiswazah antarabangsa memilih USM sebagai institusi pengajian tinggi untuk mereka melanjutkan pelajaran di Malaysia.
- iii. Mengenal pasti faktor, ruang dan arah pergerakan pelajar pascasiswazah yang juga sebagai pelancong pendidikan sepanjang tempoh pengajian mereka di USM.
- iv. Meneliti manfaat penyertaan dalam aktiviti pelancongan pendidikan dan cadangan untuk meningkatkan penglibatan pelajar pascasiswazah antarabangsa dalam aktiviti pelancongan pendidikan di USM.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian pelancongan pendidikan ini dijalankan di kampus induk Universiti Sains Malaysia (USM) meliputi pelajar luar negara yang melanjutkan pengajian tinggi mereka di sini. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar antarabangsa pelbagai negara yang melanjutkan pengajian pada peringkat pascasiswazah berpandukan kepada enrolmen kemasukan pelajar antarabangsa yang berdaftar dan direkodkan oleh Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM. Dalam kajian ini, seramai 201 orang responden dari pelbagai negara telah dipilih. Kajian ini bagi meneliti motif pelajar antarabangsa memilih Malaysia amnya dan USM khususnya sebagai lokasi pengajian tinggi. Di samping itu, meneliti faktor dan ruang pergerakan pelajar sepanjang pengajian mereka di USM. Selain itu, pandangan responden terhadap manfaat dan cadangan meningkatkan penyertaan dalam aktiviti pelancongan pendidikan.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini berperanan penting ke arah peningkatan kefahaman tentang keupayaan bidang ilmu geografi dalam mengupas persoalan berhubung isu pelancongan sebagai suatu bidang kajian. Hal ini kerana kebanyakan daripada masyarakat masih mempunyai tanggapan bahawa bidang ilmu geografi hanya mengkaji tentang bentuk muka bumi sahaja. Justeru itu, kajian ini dapat membuka minda serta meningkatkan kefahaman masyarakat tentang peranan, keupayaan serta cakupan ilmu geografi.

Justeru, kajian pelancongan pendidikan ini dapat membuka minda masyarakat tentang skop bidang geografi yang sangat meluas dalam pelbagai isu semasa sebagai suatu bidang kajian.

Kajian pelancongan pendidikan ini dapat membantu mempelbagaikan tema kajian sains sosial terutamanya dalam bidang geografi perkhidmatan. Kajian terhadap motif pemilihan Malaysia amnya dan USM khususnya sebagai lokasi pengajian dan ruang pergerakan pelajar antarabangsa adalah salah satu isu pelancongan pendidikan yang baru dan kurang dijalankan oleh pengkaji di Malaysia. Hal ini kerana kajian pelancongan pendidikan dengan elemen geografi kurang dijalankan di negara ini sebaliknya penelitian isu ini banyak tertumpu dalam bidang pelancongan dan hospitaliti. Kajian yang dijalankan ini mempunyai kaitan dengan elemen ruangan dalam geografi seperti aspek fizikal, penduduk, sosial dan persekitaran.

Justeru itu, kajian ini bukan sekadar dapat memantapkan dan mengukuhkan dapatan kajian sebelum ini malah berjaya mengenal pasti faktor yang lebih utama mempengaruhi pemilihan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian mereka. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini dapat menambah himpunan tema penyelidikan yang sedia ada berhubung motif pemilihan institusi pengajian di Malaysia amnya dan tingkah laku pelajar antarabangsa sepanjang tempoh pengajian mereka di luar negara. Selain itu, kajian yang dijalankan diharap menjadi sumber rujukan, inspirasi dan pencetus idea kepada pengkaji akan datang dalam bidang yang berkaitan dengan pelancongan pendidikan.

## 1.8 ORGANISASI KAJIAN

Tesis ini mempunyai lima bab. Bab 1 adalah pengenalan kepada kajian, latar belakang kajian serta isu dan permasalahan kajian. Seterusnya, terdapat empat objektif utama untuk menjalankan kajian ini. Skop kajian dibincangkan dengan fokus pengkaji memilih lokasi serta sasaran responden yang dipilih untuk kajian. Bab ini turut membincangkan kepentingan awal kajian ini dan organisasi kajian yang meliputi lima bab utama dan terdapat sub topik penting di dalamnya.

Bab 2 membincangkan mengenai tinjauan literatur yang diperoleh daripada pelbagai data sekunder seperti jurnal, artikel, buku, makalah dan lain-lain. Bab ini menjelaskan keterangan konsep, latar belakang dan perkembangan pelancongan antarabangsa, konsep pelancongan dan konsep pendidikan. Konsep, model dan latar belakang pelancongan pendidikan turut dibincangkan dalam bab ini. Seterusnya, kajian kes dalam motivasi pelancongan, pergerakan pelancong dan pelajar pascasiswazah antarabangsa. Setelah membincangkan kesemua perkembangan dan kes kajian lepas serta melalui pemahaman tentang konsep dan teori pengkaji telah membuat satu kerangka teoritikal untuk kajian ini. Akhir sekali, pengkaji membuat rumusan keseluruhan untuk bab ini.

Bab 3 mempunyai dua bahagian iaitu kawasan kajian dan kaedah penyelidikan. Tinjauan kawasan kajian meliputi justifikasi pemilihan kawasan kajian, latar belakang kawasan serta enrolmen staf akademik dan pelajar pascasiswazah. Fokus



kajian adalah di kampus induk Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dengan tumpuan terhadap pelajar pascasiswazah antarabangsa daripada pelbagai negara. Dalam kaedah kajian, pengkaji terlebih dahulu menyediakan kerangka proses penyelidikan untuk mencapai segala objektif kajian serta membincangkan kaedah pengumpulan data primer dan sekunder. Seterusnya untuk mendapatkan data kajian, sampel kajian diambil berdasarkan kaedah persampelan berstrata iaitu kelompok negara asal responden dan jumlah pelajar. Instrumen dalam kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai sumber primer. Selesai mengumpulkan data, pengkaji akan menganalisis data menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Langkah terakhir dalam proses penyelidikan adalah penulisan laporan kajian. Bab ini turut menjelaskan etika semasa melakukan penyelidikan.

Dapatan kajian dan perbincangan hasil daripada data yang dikumpul dan dianalisis menggunakan SPSS dibincangkan dalam Bab 4. Penggunaan SPSS adalah tepat dan kerja-kerja analisis dapat dilakukan dengan mudah dan pantas. Dalam bab ini akan menjelaskan hasil dapatan bagi setiap objektif kajian yang disediakan. Sebelum perbincangan objektif, pengkaji menerangkan profil responden iaitu pelajar pascasiswazah antarabangsa daripada pelbagai negara seramai 201 orang yang diambil sebagai sampel kajian. Seterusnya perbincangan objektif pertama iaitu motif pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian luar negara mereka. Pengkaji analisis berdasarkan frekuensi dan peratus serta perbandingan min antara motif dengan kelompok negara melalui ujian penjadualan silang. Perbincangan objektif kedua iaitu USM sebagai lokasi melanjutkan pengajian tinggi berdasarkan sumber dan faktor utama. Analisis yang digunakan adalah frekuensi dan peratusan dalam carta pai,

penjadualan silang serta ujian khi kuasa dua. Dalam analisis ruang pergerakan responden semasa pengajian di USM iaitu objektif ketiga, pengkaji membuat ujian penjadualan silang dan ujian korelasi. Selain itu, arah dan ruang pergerakan destinasi dituju oleh pelajar akan dipaparkan dalam bentuk peta aliran mudah. Seterusnya, objektif terakhir adalah perbincangan tentang manfaat penyertaan dalam aktiviti pelancongan pendidikan dan cadangan untuk meningkatkan penglibatan pelajar pascasiswazah antarabangsa dalam pelancongan pendidikan di USM.

Bab 5 adalah rumusan dapatan kajian yang dijalankan terhadap 201 orang responden yang terdiri daripada pelbagai negara di kampus induk Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Bab ini mengemukakan rumusan hasil dapatan kajian. Selain itu, bab ini turut mengemukakan implikasi dasar, sumbangan kajian kepada bidang akademik dan pihak penggubal dasar serta cadangan penyelidikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji lain pada masa akan datang yang berkaitan dengan pelancongan pendidikan.

## **1.9 RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, bab ini merupakan rangka dalam kajian penyelidikan ini. Bahagian ini menggambarkan idea keseluruhan secara umum. Bab ini juga menghuraikan latar belakang pemilihan topik, isu dan permasalahan kajian, objektif kajian dan skop kajian sebagai persediaan dalam memahami kajian terhadap pelancongan pendidikan yang berpotensi menarik ramai pelajar antarabangsa dan sekali gus dapat meningkatkan pendapatan tukaran asing negara. Selain itu,

penyediaan cadangan penyelidikan ini juga dapat menyumbang pengetahuan baharu daripada segi pembangunan industri pelancongan pendidikan yang terdapat di Malaysia amnya dan di Pulau Pinang khususnya. Pada akhir bab ini, diterangkan organisasi bab yang terdiri daripada lima bab untuk melengkapkan kajian ini dari awal sehingga akhir.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini dimulakan dengan perbincangan tentang beberapa takrifan, konsep, latar belakang serta perkembangan pelancongan, pendidikan dan pelancongan pendidikan. Terdapat beberapa kajian lepas oleh para pengkaji yang berkaitan dengan pelancongan pendidikan seperti tingkah laku pelajar sepanjang pengajian di luar negara asal dan perkhidmatan yang digunakan semasa melakukan perjalanan (Jason et al., 2011), faktor pemilihan institusi pengajian oleh pelajar antarabangsa (Mazzarol & Soutar, 2002; Lawley & Perry, 1998) dan lain-lain. Seterusnya perbincangan tentang faktor pemilihan dan motif pengajian serta ruang pergerakan atau tingkah laku pelajar antarabangsa yang keluar daripada negara asal mereka untuk mendapatkan pendidikan dan sekali gus melakukan aktiviti pelancongan. Mereka yang melanjutkan pengajian di luar negara dalam tempoh tertentu sebenarnya dalam masa yang sama mereka turut bertindak sebagai pelancong pendidikan (Hsu et al., 1997; Michael et al., 2004). Tinjauan kajian lepas ini diambil daripada pelbagai data sekunder seperti jurnal, artikel dan buku ilmiah. Daripada takrif dan konsep yang dihuraikan, pengkaji merangka kerangka teoritikal untuk kajian yang dijalankan.

## **2.2 PELANCONGAN ANTARABANGSA: LATAR BELAKANG DAN PERKEMBANGAN**

### **2.2.1 Latar Belakang Pelancongan Antarabangsa**

Sejak zaman prasejarah manusia awal lagi, manusia sudah mula mengembara untuk keperluan asas seperti mencari makanan, menghindarkan diri daripada musuh dan mencari keselesaan (Inskeep, 1996). Perpindahan awal berlaku di semua benua dan wilayah yang boleh didiami, termasuk Asia Timur Laut hingga Amerika. Sejak kira-kira 5,000 tahun yang lalu, dengan berkembangnya pertanian intensif, kota, kapal laut dan wang sebagai medium pertukaran, perjalanan dilakukan untuk tujuan perdagangan, ketenteraan dan pentadbiran kerajaan daripada empayar besar seperti Sumeria, Parsi, Mesir, Assyria, Yunani dan Rom di rantau Mediterranean dan Timur Tengah (Inskeep, 1996). Namun begitu, bukan semua perjalanan awal dikaitkan dengan perdagangan, pentadbiran atau ketenteraan. Di Yunani, manusia berjalan untuk menyaksikan Sukan Olimpik yang dianjurkan pada tahun 776 sebelum Masihi, iaitu acara sukan peringkat antarabangsa yang terkemuka dan popular hingga kini (Inskeep, 1996).

Zaman Pembaharuan dan Revolusi Perindustrian yang berlaku di Eropah pada abad ke-16 hingga abad ke-18 telah merancakkan lagi sektor pelancongan. Perkembangan ilmu pengetahuan, peningkatan taraf hidup penduduk, pembelaan hak-hak pekerja telah menggalakkan penduduk di seluruh Eropah melakukan perjalanan. Semangat

ingin tahu yang tinggi menyebabkan mereka keluar dari Eropah dan menerokai kawasan-kawasan baharu di seluruh dunia. Penerokaan ini bertujuan untuk memperolehi sumber bahan mentah untuk keperluan industri di negara mereka serta memperluaskan tanah jajahan. Pada ketika ini, enjin-enjin wap telah dicipta yang menjadi pemangkin kepada perjalanan ke semua lokasi di seluruh dunia (Cook, Yale & Marqua, 2002).

Walaupun begitu, kepesatan industri pelancongan di seluruh dunia berlaku terutamanya selepas Perang Dunia Kedua (1939-1945). Pada tahun 1950, 25 juta orang penduduk dunia melakukan perjalanan merentasi sempadan antara negara. Penghujung tahun 1960-an, seramai 70 juta ketibaan pelancong antarabangsa direkodkan. Ketibaan pelancong antarabangsa di seluruh dunia terus mencatatkan peningkatan yang pesat iaitu seramai 160 juta pelancong (1970), 280 juta pelancong (1980), 563 juta pelancong (1995) dan 702 juta pelancong (2000). Ketibaan pelancong dijangka terus meningkat seramai 1 billion pelancong pada tahun 2010 (World Tourism Organization, 1999).

Peningkatan kedatangan pelancong asing di seluruh dunia disebabkan kestabilan politik dan ekonomi yang dinikmati penduduk terutamanya di negara maju. Peningkatan kadar pendapatan, kesihatan, taraf sosial, pemberian insentif oleh kerajaan (pembelaan hak-hak pekerja) memberikan peluang kepada penduduk untuk melakukan perjalanan atas tujuan percutian, penyelidikan dan mengenali destinasi yang dilawati secara lebih dekat (Smith & Eadington, 1992).

Perkembangan sektor pelancongan telah menyumbang pelbagai kesan positif terutamanya kepada negara-negara yang dilawati oleh pelancong. Pelancongan dilihat mampu bertindak sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara, merapatkan jurang antara wilayah, pembasmian kemiskinan penduduk, pengurangan kadar pengangguran, penyediaan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar dan memperbaiki taraf perkhidmatan (pengangkutan dan utiliti) kepada rakyat. Pelancongan memberi peluang kepada penduduk mendapat pendidikan dan mewujudkan pemikiran yang lebih terbuka terhadap pembangunan (Johan Afendi & Mohamad Zaki, 2008).

### **2.2.2 Perkembangan Pelancongan Antarabangsa**

Sejak Perang Dunia ke-2, perkembangan pengangkutan dan penginapan telah meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing dengan pesat. Pada tahun 1950-an, ketibaan pelancong asing adalah lebih 25 juta orang dan telah meningkat kepada 405 juta pada tahun 1989. Menurut *World Tourism Organization* (WTO, 1988), lebih kurang 60 peratus perjalanan antarabangsa dikaitkan dengan percutian dan kegiatan masa lapang, lebih kurang 30 peratus untuk tujuan perniagaan dan selebihnya perjalanan yang penting untuk urusan keluarga, menziarahi tempat suci, menambah ilmu dan sebagainya. Kebanyakan pelancongan antarabangsa terdiri daripada perjalanan dalam wilayah (contohnya, antara negara-negara Eropah dan Amerika Utara) dan perjalanan antara wilayah (contohnya, antara Amerika Utara, Eropah dan Asia) (Inskeep, 1996).

WTO yang kini dikenali sebagai UNWTO menganggarkan sektor pelancongan menyediakan 74 juta peluang pekerjaan di dunia, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bagi sesetengah tempat terutamanya negeri-negeri kepulauan kecil, sektor pelancongan merupakan sumber pendapatan dan pertukaran wang asing. Ini menunjukkan pelancongan berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan sesebuah kawasan. Pihak sektor swasta banyak melabur dalam pelbagai projek pembangunan pelancongan yang sekali gus membantu dalam meningkatkan pendapatan negara (Inskeep, 1996).

Perjalanan dan pelancongan adalah aktiviti ekonomi global yang berlaku di seluruh dunia yang meliputi bandar-bandar besar, bandar-bandar kecil dan perkampungan di luar bandar serta kawasan pantai. Pelancongan adalah salah satu industri atau sektor ekonomi terbesar di dunia yang menyumbang berjuta dolar setiap tahun kepada ekonomi global, mewujudkan peluang pekerjaan dan kekayaan, menjana eksport, meningkatkan cukai dan merangsang pelaburan modal. Pada tahun 2011, sektor pelancongan dijangka menyumbang hampir US\$6 trilion kepada ekonomi global atau 9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global (World Travel & Tourism Council, 2011). Jadual 2.2 menunjukkan prestasi ketibaan pelancong antarabangsa di seluruh dunia pada tahun 2000 hingga tahun 2011 yang direkodkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO). Sepanjang tempoh sepuluh tahun ini (2000 hingga tahun 2010), purata pertumbuhan tahunan adalah sebanyak 3.4 peratus iaitu daripada 674 juta orang pada tahun 2000 kepada 940 juta orang pada tahun 2010.



Jadual 2.1: Ketibaan pelancong antarabangsa berdasarkan wilayah pada tahun 2000 hingga 2011 (juta)

<b>Wilayah</b>	<b>2000</b>	<b>2005</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
Eropah	385.0	440.7	461.7	474.8	504.0
Asia dan Asia Pasifik	110.1	153.6	181.1	204.4	217.0
Amerika	128.2	133.3	141.7	150.7	156.6
Afrika	26.2	34.8	45.9	49.7	50.2
Timur Tengah	24.1	36.3	52.8	60.3	55.4
<b>Jumlah (juta)</b>	<b>674</b>	<b>799</b>	<b>883</b>	<b>940</b>	<b>983</b>

Sumber: World Tourism Organization (UNWTO, 2012)

Eropah mencatatkan ketibaan pelancong antarabangsa paling ramai dari tahun 2000 hingga tahun 2011 berbanding wilayah yang lain dan diikuti oleh wilayah Asia dan Asia Pasifik. Selepas mengalami penurunan pada tahun 2009 akibat krisis ekonomi global, pelancongan antarabangsa kembali pulih dengan kukuh pada tahun 2010. Ketibaan pelancong antarabangsa meningkat sebanyak 6 peratus iaitu mencecah seramai 940 juta orang, manakala pendapatan daripada pelancongan antarabangsa telah meningkat pada kadar perlahan iaitu 5 peratus kepada US\$928 bilion. Semua wilayah mencatatkan pertumbuhan dalam ketibaan pelancong antarabangsa dan penerimaan kecuali di Eropah, penerimaan tidak banyak berubah pada tahun 2010. Pelancongan antarabangsa terus berkembang pada tahun 2011, walaupun ekonomi global yang semakin tidak menentu, perubahan politik di Timur Tengah dan Afrika Utara serta bencana alam di seluruh dunia. Ketibaan pelancong antarabangsa terus meningkat sebanyak 4.6 peratus pada 2010 mencapai 983 juta, manakala penerimaan meningkat sebanyak 3.8 peratus kepada US\$ 1,030 bilion.

Pertumbuhan dalam ketibaan pada tahun 2011 adalah lebih cepat di negara maju (4.8%) daripada tahun-tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh hasil yang kukuh di Eropah dan penurunan di Timur Tengah dan Afrika Utara. Sehubungan itu, Asia dan Asia Pasifik serta Eropah (6%) adalah rantau yang menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2011 dengan ketibaan pelancong antarabangsa melebihi setengah bilion buat pertama kali. Peningkatan turut dilaporkan di Amerika (4%), manakala di Afrika (1%) ketibaan pelancong asing didapati hanya berkembang sedikit disebabkan penurunan kedatangan pelancong di Afrika Utara. Manakala di Timur Tengah (-8%) didapati mengalami penurunan kira-kira lima juta ketibaan antarabangsa, walaupun beberapa destinasi di rantau ini berjaya mengekalkan pertumbuhan yang mantap.

Daripada segi penerimaan ketibaan pelancongan antarabangsa pada tahun 2011, Amerika mencatatkan 6 peratus iaitu peningkatan yang tertinggi, diikuti oleh Eropah (5%), Asia dan Asia Pasifik (4%) dan Afrika (2%). Timur Tengah adalah kawasan yang mencatatkan pertumbuhan yang negatif (-14%). Eropah memegang syer terbesar penerimaan pelancongan antarabangsa (45% bahagian), mencecah US\$463 bilion pada tahun 2011, diikuti oleh Asia dan Asia Pasifik (28% bahagian atau US\$289 bilion) dan Amerika (19% bahagian atau US\$199 bilion). Manakala di Timur Tengah (4% bahagian) atau US\$46 bilion dan Afrika (3% bahagian) iaitu sebanyak US\$33 bilion.